

**Peruntukan Basiswa Untuk Orang Asli Ditambah - Najib
Bernama
24 September , 2011**

SUNGAI SIPUT, 24 Sept (Bernama) -- Kerajaan akan menyediakan lebih banyak peruntukan biasiswa bagi pelajar Orang Asli melanjutkan pengajian ke institusi pengajian tinggi (IPT) di dalam dan luar negara, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak.

Beliau berkata dalam usaha meningkatkan taraf hidup masyarakat itu, pendidikan merupakan faktor penting dan kerajaan bersedia untuk terus membantu golongan itu.

"Kalau ada calon-calon lagi kita akan tambahkan lagi peruntukan biasiswa untuk Orang Asli...tidak ada masalah, cuma kita nak lahirkan lebih ramai lagi anak-anak Orang Asli yang layak untuk dipertimbangkan oleh kerajaan," katanya ketika melancarkan Program Jalinan Murni Masyarakat Orang Asli Peringkat Kebangsaan di Kampung Bawong di sini Sabtu.

Bagaimanapun, Najib berkata perubahan budaya dari masyarakat itu sendiri adalah perlu kerana bantuan dari segi prasarana dan kemudahan asas sahaja adalah tidak mencukupi.

"Kalau kita ini tekun dan gigih kita oleh ubah corak hidup kita, kalau kita tidak boleh sekurang-sekurangnya anak kita berjaya, ini lah yang saya harap pada Orang Asli janganlah kita memujuk anak kita untuk berhenti dari sekolah umpamanya.

"Hatta musim buah pun jangan ajak anak kita masuk hutan sampai dia tinggal pelajaran, sekolah mesti dia ikuti, ikut waktu dan masa di sekolah supaya dia boleh menjadi macam anak Orang Asli yang dapat biasiswa kita ke United Kingdom, Australia, IPTA dan sebagainya,"katanya.

Dalam pada itu, mengulas mengenai program Jalinan Murni Masyarakat Orang Asli anjuran Yayasan 1Malaysia Development Berhad (1MDB), Yayasan FELDA dan Permodalan Nasional Berhad (PNB), Najib berkata ianya menunjukkan komitmen dan kesungguhan kerajaan terhadap matlamat gagasan 1Malaysia.

"Kita dapat sentuhan atau pun menyentuh hati dan perasaan setiap kelompok dalam masyarakat kita secara inklusif atau keterangkuman.

"Tidak ada mana-mana golongan di bawah Gagasan 1Malaysia ini sepatutnya merasakan diri mereka tersisih atau terpinggir dari dapat peluang untuk majukan diri mereka sendiri," katanya sambil menjelaskan ianya adalah konsep dan falsafah yang dipegang oleh kerajaan.

Melalui dasar Gagasan 1Malaysia juga, Najib berkata tiada rakyat yang terkecuali tidak kira agama dan budaya dan juga tidak terbatas kepada golongan bandar dan juga elit.

Pada majlis yang dihadiri kira-kira 7,000 orang itu, Najib turut menyampaikan pakaian seragam sekolah dan wang saku kepada 10 pelajar Orang Asli, cek replika kepada lapan guru besar sebagai wakil murid-murid Orang Asli dan bakul makanan kepada 10 orang ketua isi rumah Orang Asli.

Selepas itu, beliau turut melawat Klinik Bergerak 1Malaysia dan Pameran Khidmat

Masyarakat Yayasan Felda sebelum menghadiri Jamuan Hari Raya bersama masyarakat Orang Asli sebelum berlepas pulang ke ibu negara.

---BERNAMA

Hakcipta © 2011 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v5/bm/newsindex.php?id=615586>